

01/08/2001

Hari Pahlawan disambut penuh istiadat

Jalal Ali Abdul Rahim; Junita Mat Rasid
KUALA LUMPUR, Selasa - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menyempurnakan istiadat meletak kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena Hari Pahlawan 2001 peringkat kebangsaan.

Hari Pahlawan 2001 turut disambut pada peringkat negeri bagi mengenang dan menghargai jasa pahlawan yang terkorban serta cedera ketika mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

Di ibu negara, sambutan dimulakan dengan tiupan bugle 'Last Post' dan penurunan bendera Jalur Gemilang, diikuti bacaan sajak 'Pahlawan' ciptaan Mejar (B) Mohamad Awang yang disampaikan Inspektor Rose Baini Kassim dengan diiringi muzik pancaragam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Seri Paduka berkenan memulakan peletakan kalungan bunga di hadapan tugu dan diikuti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara mereka yang meletakkan kalungan bunga ialah Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Mohamed Hashim Hussein, Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abu Bakar Abdul Jamal dan Panglima Tentera Udara Jeneral Datuk Suleiman Mahmud.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Datuk Mohamad Abdul Ghani dan Presiden Persatuan Bekas-bekas Polis, Datuk Mansor Mohd Jaafar turut diberi penghormatan meletakkan kalungan bunga.

Upacara itu turut dihadiri anggota Kabinet, wakil kedutaan asing, pegawai kanan polis dan tentera.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang ditemui pemberita selepas upacara itu, berkata Hari Pahlawan perlu diberi publisiti meluas supaya rakyat lebih menghayati dan menghargai jasa pahlawan negara.

Katanya, publisiti meluas mengenai Hari Pahlawan dan kesannya perlu ditingkatkan kerana orang ramai termasuk pelajar tidak dapat menyertai istiadat memperingati Hari Pahlawan di Tugu Peringatan Negara kerana kawasan itu terhad.

"Hari Pahlawan perlu disambut sebagai satu hari untuk kita mengingati jasa pahlawan yang selama ini berjuang dan terkorban dalam menjaga kedaulatan serta keselamatan negara," katanya.

Najib berkata, orang ramai juga perlu memberi sumbangan kepada Hari Pahlawan sebagai tanda mereka benar-benar menghargai jasa pahlawan.

Sementara itu, Mohamad Abdul Ghani berkata, sambutan Hari Pahlawan wajar ditingkatkan daripada semasa ke semasa.

"Hari Pahlawan adalah untuk semua rakyat yang mendapat nikmat hasil perjuangan pahlawan yang lalu.

"Tidak cukup dengan hanya sekadar mengingati saja, kita perlu membuat sesuatu untuk negara. Semua pihak dan pemimpin negara termasuk persatuan serta murid wajar menyertai sambutan berkenaan," katanya.

Di IPOH, sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri diadakan dalam upacara ringkas tetapi penuh bermakna.

Sultan Perak Sultan Azlan Shah menerima tabik hormat disertai kira-kira 400 anggota pasukan keselamatan dan pertubuhan beruniform di Dataran Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Upacara bermula jam 8 pagi itu disertai Tentera Darat (TD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), pasukan Bomba dan Penyelamat serta kadet sekolah.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan ketua jabatan kerajaan.

Bekas anggota Harimau Malaya (Force 136), Wan Nik Wan Ngah, 76, yang menerima tiga pingat daripada Kerajaan British kerana jasanya menentang tentera Jepun ialah antara tokoh veteran perang yang hadir.

Wan Nik yang berasal dari Gerik, Hulu Perak, dan mempunyai 11 anak dan 30 cucu, ketika ditemui selepas itu meminta anak muda menghargai keamanan yang dikecapi negara.

Katanya, keamanan perlu terus dipelihara kerana ia hasil perjuangan pejuang atau pahlawan lalu yang melalui pelbagai kesukaran untuk membebaskan negara dari belenggu penjajah.

Di PORT DICKSON, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar meletak kalungan bunga sempena sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri di tugu peringatan Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda).

Turut meletakkan kalungan bunga ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad serta Panglima 1 Brigadier Brig Jen Abidin Aluwi dan Ketua Polis Negeri Datuk Amiruddin Embi.

Di KOTA KINABALU, sambutan Hari Pahlawan peringkat negeri Sabah berlangsung di Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Jalan Tugu.

Sambutan yang bermula jam 7.30 pagi dihadiri Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat yang mengetuai acara meletak kalungan bunga sebagai tanda penghargaan terhadap jasa perajurit.

Turut meletakkan kalungan bunga ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk K Y Mustafa serta pegawai kanan pasukan keselamatan.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, meminta media cetak dan elektronik memaparkan sejarah perjuangan bekas perajurit negara menangani zaman darurat, ancaman komunis, tentera Jepun bagi menyemarakkan sambutan Hari Pahlawan di seluruh negara.

"Saya yakin ada sesetengah masyarakat tidak menyedari atau mengetahui 31 Julai setiap tahun adalah Hari Pahlawan bagi mengenang jasa bekas perajurit yang sudah terkorban," katanya.

Abdul Ghani turut menyampaikan sumbangan kerajaan negeri berjumlah RM100,000 kepada Pemangku Yang Dipertua Persatuan Bekas Perajurit Malaysia Cawangan Johor, Khamis Mohd Noor.

Persatuan itu juga menerima sumbangan berjumlah RM20,000 daripada empat syarikat dengan setiap satu menyumbangkan RM5,000.

(END)